

10 kampung dilanda banjir kilat



Hujan secara berterusan **mengakibatkan air sungai naik mendadak** di beberapa kawasan kampung di Gua Musang. [FOTO RAMLI IBRAHIM/BH]

Gua Musang: Sebanyak 10 kampung di sini dilanda banjir kilat akibat hujan lebat berterusan lebih empat jam yang turut menyebabkan Sungai Nenggiri melimpah, awal pagi semalam.

Antara penempatan terjejas ialah Kampung Kundur, Kampung Nerang, Kampung Kerinting, Kampung Lembaga, Kampung Tiong, Kampung Subong dan Kampung Sungai Terah.

Difahamkan, beberapa kampung Orang Asli di Tanah Tinggi Lojing turut dilanda bencana berkenaan.

Air naik setengah meter

Hujan lebat bermula jam 1 pagi semalam yang menyebabkan air naik sehingga setengah meter sebelum surut sepenuhnya menjelang jam 6 petang, juga menjejaskan kira-kira 500 penduduk yang kini dalam

keadaan berjaga-jaga kerana bimbang ia berulang berikutan cuaca tidak menentu.

Penduduk Kampung Kundur, Abdullah Mohamad, 35, berkata hujan lebat itu menyebabkan kawasan rumahnya dinaiki air secara tiba-tiba.

“Selepas hujan berhenti sepenuhnya sekitar jam 8 pagi, air tetap naik dengan cepat sehingga ke tangga rumah. Sa-

“

Kampung mereka sering dilanda banjir kilat setiap kali hujan lebat kerana terletak di kawasan rendah”

Zaidi Mat Junuh
Penduduk

ya mula risau dan menyelamatkan barang berharga selain memindahkan ternakan ke kawasan tinggi,” katanya ketika ditemui.

Sering dilanda banjir

Jirannya, Zaidi Mat Junuh, 37, berkata kampung mereka sering dilanda banjir kilat setiap kali hujan lebat kerana terletak di kawasan rendah.

“Hujan pagi tadi (semalam) mengingatkan saya kepada banjir besar, Disember lalu. Kami bergegas menyelamatkan apa yang patut, terutama dokumen penting,” katanya berharap pihak berkuasa mengambil tindakan sewajarnya bagi mengatasi banjir kilat yang sudah tiga kali melanda kawasan itu selepas Disember lalu.